

# Buletin PNM *Pustaka*



KELUARAN BIL.1/2017  
JANUARI-APRIL 2017  
ISSN : 0128-8679



## Majlis Pelancaran Jom Baca 10 Minit

MENARIK DI DALAM



Majlis Pelancaran Kem Membaca 1Malaysia



Singgah Santai@PNM



Program Bicara Harvard  
"Role of Media in Society"



## ISI KANDUNGAN

- 1-5 Perutusan Tahun Baharu 2017 oleh Ketua Pengarah
- 6 Majlis Persaraan Pengarah Pembinaan Koleksi
- 7-8 Kem Membaca 1Malaysia
- 9 Majlis Perasmian Jom Baca 10 minit
- 10 Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur
- 10 Pameran Perpustakaan Keluarga
- 11-12 Berita Bergambar
- 13 Majlis Perjumpaan Ketua Perkhidmatan bersama Pustakawan Gred S44 dan S41 PNM
- 14 Bengkel Pengumpulan Statistik perpustakaan Universiti
- 14 Mesyuarat Agung Puspanita cawangan PNM
- 15 Pemukiman pelan strategik PNM 2014-2018
- 16 Future Library Convention Asia 2017
- 17 Bicara Harvard "Role of Media in Society"
- 18 Pameran Caring Bridge, Program Negaraku : Komuniti 1Malaysia
- 19-20 Singgah Santai@PNM Bil.1/2017
- 21 Mesyuarat Pembukaan dan Penutup sempena Audit Pemantauan Perpustakaan Negara Malaysia oleh SIRIM QAS Sdn.Bhd
- 22 Lawatan kerja PNM ke INTAN Bukit Kiara

23-24 Senarai penerima Anugerah dan Senarai penerima Sijil Perkhidmatan

6



19



9



1



Cetakan Pertama 2017  
© Perpustakaan Negara Malaysia, 2017

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, 232 Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia  
Pustaka : Buletin Perpustakaan Negara Malaysia / Perpustakaan Negara Malaysia, 1985-. Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia, 1985-. Tahunan

ISSN 0128-8679

1.Libraries, National--Malaysia. 2.Corporation reports

© Perpustakaan Negara Malaysia

## Kalam editor

Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapatlah Pustaka: Buletin PNM Bil.1/2017 ini diterbitkan dengan jayanya. Penerbitan buletin kali ini melakarkan gambaran aktiviti PNM pada naskhah ini sebagaimana yang direncanakan di dalam Pelan Strategik Jabatan 2014-2018, iaitu penerbitan 3 keluaran buletin setahun. Sekalung tahniah kepada semua anggota Sidang Redaksi yang berusaha mengumpul dan merakamkan segala peristiwa yang terdapat di dalam kalender aktiviti PNM sepanjang tahun 2017 ke dalam naskhah ini.

PNM telahpun melalui fasa Jubli Emasnya pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, kemeriah dan kerancakan ini tidak terhenti disitu. Keluaran buletin pada kali ini menelusuri beberapa aktiviti berimpak tinggi seperti program Jom Baca 2017, Kem Membaca 1Malaysia, Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur, Future Librarian Convention Asia 2017, majlis Perjumpaan KP bersama Pustakawan S41 dan S44, program Bicara Harvad, Pemukiman Pelan Strategik PNM 2014-2018, Pameran Caring Bridge 1Malaysia, pameran Perpustakaan Keluarga serta beberapa program lain diperingkat jabatan yang diketengahkan untuk pengetahuan dan perkongsian di peringkat jabatan mahupun untuk makluman rakan-rakan strategik PNM serta masyarakat umum.

Tirai 2017 kita tempui dengan perancangan yang rapi. Cabaran mendatang akan dihadapi dengan penuh teliti semoga kejayaan diperolehi jua. Terima kasih kepada semua yang menjayakan program yang telah dirancang dan semoga terus berjaya.

BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA

**Pensahat**  
Dato' Haji Nafisah binti Ahmad  
Ketua Pengarah PNM  
nafisah@pnmm.gov.my

**Ketua Editor**  
Puan Siti Aishah Sheikh Kadir  
Penolong Pengarah BKK  
sitiashah@pnmm.gov.my

**Editor**  
Puan Hashimah binti Mohd Yusoff  
Timbalan Pengarah BKK  
hashimah@pnmm.gov.my

Cik Afzalidilla binti Zainal Abidin  
Penolong Pengarah  
afzalidilla@pnmm.gov.my

**Penulis artikel :**  
Mohd Rizal bin Abd Allah  
rizal@pnmm.gov.my

Siti Suzani binti Mohamed Talib  
suzani@pnmm.gov.my

Sofia binti Osman  
sofia@pnmm.gov.my

Che Faizatul Harris binti Mahmood  
faizatul@pnmm.gov.my

Mohd Khodri bin Ramli  
m\_khodri@pnmm.gov.my

Mohd Firdaus bin Ngah Sa'aya  
firdaus\_ngah@pnmm.gov.my

Chahana#Sahana binti Ahmad  
chahana@pnmm.gov.my

Maherred Azizi Mohamed Rani  
azizi@pnmm.gov.my

**Koordinator Penerbitan**  
Puan Rosnah binti Soaad  
Penolong Pengarah Kanan BKK  
rosnah@pnmm.gov.my

**Pentadbir Web Jabatan**  
Puan Kalaiselvi a/p Chirupalan  
Pegawai Teknologi Maklumat  
kalaiselvi@pnmm.gov.my

**Sukan atau Konsep**  
Enik Mohd Firdaus bin Ngah Sa'aya  
Penolong Pustakawan  
firdaus\_ngah@pnmm.gov.my





### Mukadimah

Pertamanya, marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur kerana dengan izin Allah SWT juga kita dapat berada dalam majlis perhimpunan bagi bulan Januari tahun 2017. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang hadir ke perhimpunan pagi ini termasuklah wakil Pasukan Pengawal, Penyelenggaraan dan wakil Perkhidmatan Pembersihan. Inilah warga PNM yang sentiasa bersama-sama dalam meningkatkan perkhidmatan PNM. Syabas saya ucapkan kepada Pengarah Perkhidmatan Korporat dan pasukan kerjanya selaku pengajur perhimpunan hari ini dan inisiatif ini perlu diteruskan. Di kesempatan ini saya masih belum terlewat untuk ssaya mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 2017 dan saya berdoa tahun ini agar akan membawa kita ke tahap yang lebih cemerlang.

Sebelum saya meneruskan bicara, ingin mengambil kesempatan untuk memaklumkan perubahan pucuk kepimpinan dalam sektor awam yang berlaku dalam masa terdekat ini.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam yang baru mulai YBhg. Dato' Sri Zainal Rahim bin Seman mulai 16 Januari 2017 menggantikan YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal; Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPK), YBhg Datuk Hj. Ab. Ghaffar bin A. Tambi menggantikan YBhg. Tan Sri Ong Hong Peng mulai 5 Disember 2016; Barisan Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) KPK yang baru iaitu YBhg. Datuk Rashidi Hasbullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) dan YBrs. Puan Nor Yahati Awang, Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan).

### Pencapaian dan aktiviti jabatan 2016

Tahun lalu merupakan tahun yang sangat bermakna kepada kita kerana kita meraikan 50 tahun penubuhan PNM. Kita semua seharusnya merasa bangga dapat berkhidmat di bawah PNM. Usia 50 Tahun PNM telah menzahirkan beberapa kejayaan penting yang memberi manfaat yang besar kepada masyarakat umum iaitu:

### Infrastruktur perpustakaan

Kita berjaya menyiapkan 4 unit perpustakaan desa

melalui projek bawah Rolling Plan Ketiga Rancangan Malaysia Ke 10 tahun 2014. Empat buah perpustakaan itu ialah, PD Kampung Kota Lama Kanan, Kuala Kangsar, Perak, PD Taman Rancangan Perumahan Awam 2 Sauk, Kuala Kangsar, Perak, PD Kampung Lebu, Bentong, Pahang dan PD Kampung Kuala Sentul, Maran, Pahang. Dengan pembukaan empat buah PD baharu ini, menjadikan semua jumlah PD dibawah pengurusan PNM ialah sebanyak 513 dan secara tidak langsung ia membuktikan perkhidmatan PNM terus berkembang kepada masyarakat.

## Hubungan Antarabangsa

Jaringan persepakatan pintar di peringkat antarabangsa terus diperkuuhkan melalui kerjasama dengan beberapa kedutaan luar Negara di Malaysia termasuklah Kedutaan Iran; Kedutaan Amerika Syarikat; Kedutaan Hungary dan Kedutaan Kazakhstan.

Hubungan ini tanpa kita sedari sebenarnya membawa PNM terus dikenali bukan sahaja di Malaysia malah di arena antarabangsa.



## Persidangan / Mesyuarat Antarabangsa

Sepanjang tahun lalu juga, PNM turut menyertai

- International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA) World Library Information Congress (IFLA WLIC);
- Congress of Southeast Asian Librarian Meeting and General Conference (CONSAL); and
- Conference of Directors of National Libraries (CDNL).

## Penganjuran – Penglibatan dan sumbangan kepada Kementerian

PNM juga dipilih dan diberi kepercayaan dalam

menguruskan pendaftaran peserta antarabangsa di persidangan World Tourism Conference 2016 yang telah diadakan di Pulau Pinang.

Secara keseluruhannya, PNM telah menganjurkan 33 program berskala besar dan sederhana. Antaranya:

- Seminar Institusi Raja Ke IV SIRAJ;
- Seminar Asas Usul dan Bukti Keintelektualan Melayu 2016;
- Karnival Semarak Jawi;
- Sambutan PNM@50 Tahun/PNM Run@50 Tahun
- Bengkel Belajar Bahasa Melayu untuk Peserta MM2H;
- Bicara Harvard;
- Program Singgah Santai;
- Pesta Sukan PNM

## Pelawat Luar Negara

Bukan itu sahaja, sepanjang tahun 2016 PNM telah menerima sebanyak 23 lawatan dari luar Negara.

## Pengurusan Kewangan Jabatan

Daripada segi pengurusan kewangan pula, prestasi perbelanjaan PNM turut mendapat kejayaan yang baik bagi tahun 2016 di mana kita mencapai 99.34% perbelanjaan dan mencapai 92.32% atau kategori Cemerlang bagi Prestasi Naziran SPKB Tahun 2016.

Ini merupakan kejayaan kepada jabatan dalam pengurusan kewangan jabatan. Alhamdulillah. kejayaan-kejayaan yang saya sebut ini bukanlah suatu kejayaan yang mudah dicapai jika tidak ditunjangi dengan komitmen yang tinggi, keikhlasan serta semangat berpasukan yang tinggi dalam kalangan warga jabatan ini. Justeru, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sumbangan bakti semua warga jabatan ini sama ada secara langsung mahupun tidak langsung bersama-sama merakamkan apa yang telah dirancang sepanjang tahun lalu.

Semua warga PNM, sama ada para pustakawan, syarikat penyenggaraan PNM, syarikat perkhidmatan pembersihan juga barisan pengawal keselamatan, kita semua ada peranan yang tidak kurang penting dalam apa yang kita lakukan demi melonjakkan imej PNM melalui perkhidmatan yang terbilang. Tahniah kepada semua atas apa yang kecapi sepanjang tahun lalu.

### 2017 dan kehadapan

Kejayaan-kejayaan ini jangan kita sesekali letakkan sebagai satu perhentian dalam memberi perkhidmatan kepada masyarakat. Tidak salah kita merasa puas atas kejayaan, tapi melonjakkan lagi kejayaan menuntuk kita istiqomah dalam meletakkan komitmen tertinggi yang berterusan. Tahun 2017 pasti terus mencabar. Itu memang pasti kerana dunia sentiasa bergerak pantas. Masa berlalu dengan lebih cepat dan cabaran sudah tentu semakin sukar.

Namun, menjadi tanggungjawab kita untuk saling berpegang tangan berganding bahu untuk terus mengukuhkan silaturrahim sesama kita dalam usaha membawa PNM ke fasa yang seterusnya.

10. Visi PNM adalah untuk menjadi Peneraju Pembangunan dan Perkhidmatan Perpustakaan di Malaysia bertaraf Dunia Menjelang Tahun 2020. Kita ada kurang dari 4 tahun untuk kita mencapai Wawasan 2020 iaitu menjadi negara maju. Dengan enam strategi yang terkandung dalam RMK-11 iaitu:-

- Inklusiviti
- Kesejahteraan Rakyat
- Modal Insan
- Pertumbuhan Hijau
- Infrastruktur dan Inovasi serta
- Produktiviti.

Di sini saya ingin menyentuh tentang strategi yang ketiga iaitu, Modal Insan iaitu sumber terpenting kepada pembangunan negara. Maju atau mundurnya sebuah negara bergantung penuh kepada kekuatan dan kehebatan nilai, kompetensi dan kemahiran insaniah. Kita memainkan peranan yang sangat penting bagi membangunkan minda masyarakat yang menepati wawasan 2020, malah lebih jauh lagi mempunyai cukup kriteria sebagai modal insan di bawah Transformasi Nasional 2050.

Kita memainkan peranan sangat penting untuk memberi cukup maklumat kepada pengguna melalui prasana yang kita sediakan. Justeru sama penyampaian perkhidmatan melalui kaunter fizikal mahupun secara dalam talian, kita perlu sentiasa mengorak langkah mencari pendekatan terbaik memberi perkhidmatan melalui kemudahan, keselesaan dan mesra pengguna.

### Projek Pemusatan Perkhidmatan Perpustakaan PNM

Justeru, PNM telah memohon Projek Pemusatan Perkhidmatan Perpustakaan semasa RP2 RMKe-11 tahun 2017 sebagai usaha menaiktaraf prasarana perkhidmatan. Projek ini secara dasarnya telah diluluskan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Selepas kita mendapat kelulusan rasmi daripada KPK fokus kita tahun ini akan meliputi, perpindahan Bahagian Pinjaman dari Bangunan Wisma Sejarah ke Bangunan Anjung



Penyampaian sijil bagi anugerah individu kaunter terbaik

Bestari. Menaiktaraf tandas pengguna aras bawah hingga aras 4 Bangunan Anjung Bestari dan mengubahsuai serta menaiktaraf perkhidmatan perpustakaan di Bangunan Anjung Bestari.

## Menaiktaraf u-Pustaka sebagai Hub Maklumat Negara

Selain itu, salah satu agenda Transformasi PNM Program Transformasi Kerajaan (GTP). Antara dalam bidang ICT adalah menaiktaraf u-Pustaka perkara utama dalam NBOS adalah 'Kolaborasi sebagai Hub Maklumat Negara. Projek u-Pustaka ini antara kementerian, jabatan dan agensi'. PNM adalah kolaborasi di antara lapan perpustakaan dan sebagai sebuah agensi kerajaan sedang merangka sepuluh rakan strategik lain. Projek ini merupakan beberapa kolaborasi strategi dengan beberapa rakan usaha ke arah menyokong Agenda Transformasi strategik yang akan memberikan manfaat kepada PNM dalam bidang ICT serta memanfaatkan Pelan pelbagai pihak. Dalam usaha mempertingkatkan Jalur Lebar Negara. Sebagai peneraju perkhidmatan kerjasama strategik ini, PNM akan menandatangani u-Pustaka semua bahagian terutama bahagian perjanjian persefahaman (MOU) dengan beberapa perkhidmatan perlu mempunyai sikap kesepuannya rakan strategik seperti GAPENA, YAYASAN KARYAWAN, (sense of belonging) dengan tidak meletakkan Perbadanan Kota Buku, Universiti Islam Malaysia tanggungjawab perlaksanaan u-Pustaka kepada serta agensi-agensi lain yang masih dalam perbincangan. Bagi menyokong usaha meningkatkan infrastuktur dalam bidang ICT, PNM akan meneruskan kolaborasi strategik bersama pihak Samsung Malaysia Electronics (SME) Sdn. Bhd. bagi mewujudkan sebuah lagi Samsung Smart Library (SSL) @ Perpustakaan Bestari Samsung di Perpustakaan Awam Negeri (PAN) pada tahun 2017.



## Transformasi Kaedah Kerja

Bagi mencapai aspirasi ini, kita juga dituntut untuk ke PNM, satu kerjasama kolaborasi strategik akan sentiasa dinamik dalam kaedah kita bekerja agar dilaksanakan bersama pihak Malaysia Digital sentiasa selari dengan keperluan semasa. Economy Corporation (MDEC) pada tahun 2017 dan Transformasi dalam cara kerja kita juga mampu 2018 bagi mewujudkan e-Rezeki@PNM dan mendepani kejayaan lalu dengan lebih gah di masa hadapan.

## Strategi Lautan Biru (National Blue Ocean Strategy) (NBOS)

Saya juga ingin menyentuh mengenai National Blue Ocean Strategy atau NBOS yang kini merupakan titik Insya Allah. fokus kepada usaha-usaha transformasi kerajaan dan berfungsi sebagai tunjang kepada Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan

# NBOS

STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN

Bagi menarik dan meningkatkan jumlah pengunjung PNM. Hala tuju yang disebutkan ini bukan suatu kesukaran bagi kita mencapainya. Kita hanya perlu sehati dan sejiwa dalam apa yang kita usahakan. Kerjasama dan saling bantu membantu pasti

## Tahun Melawat ASEAN 2017 – Peranan PNM sebagai Destinasi Pelancongan

Tahun 2017 ini merupakan Tahun Melawat Asia. Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, PNM mempunyai peranan dalam menyokong usaha Kementerian untuk menarik pelancong ke negara kita. Kita akan menonjolkan komitmen kita dalam konsep Knowledge Tourism atau Pelancongan Ilmu. Sebagai sebuah pusat khazanah Ilmu, kita mempunyai peranan besar dalam memastikan konsep Pelancongan Ilmu ini berjaya.

## Kompetensi Warga Kerja

Untuk membawa seluruh warga ini bersama-sama merasai kejayaan yang sedang menunggu kita dengan rancangan-rancangan ini, Jabatan sentiasa melihat dan mengkaji pelan pembangunan modal insan warga kerja. Pelbagai kursus dan latihan disediakan agar seluruh yang ada di PNM cukup dengan ilmunya, cukup dengan kemahiran asasnya serta mampu mengembangkan potensi diri ke peringkat yang lebih baik.

## Amanat Ketua Setiausaha Negara

Dalam kita membawa diri kita selari dengan kehendak zaman, nilai-nilai sebagai seorang penjawat awam perlu juga perlu sentiasa didokong. Bekerjalah dalam situasi yang paling harmoni. Elakkan diri kita daripada mengeluarkan kenyataan-kenyataan awam melalui media social terutamanya yang menyentuh mengenai dasar-dasar negara. Justeru, maka kita sentiasa meningkat diri kita dalam apa juu situasi, letakkanlah nilai integriti sebagai satu nilai pegangan yang sentiasa kita

memudaratkan diri kita sama ada dari segi percakapan sehingga perlakuan agar kita mampu sentiasa bekerja dalam keadaan yang baik seterusnya melengkapi nilai bersama PNM : Cepat, Tepat, Mesra. Saya meneliti perutusan tahun baru YAB Perdana Menteri kita baru-baru ini, beliau menekankan mengenai meningkatkan kesejahteraan rakyat Malaysia, adalah bertunjangkan komitmen kepada tadbir urus yang baik. Sebagai Ketua Pengarah PNM, saya memerlukan kerjasama dan komitmen semua pihak untuk menjalankan urusan pentadbiran PNM dengan lebih baik dan cemerlang, demi memastikan kejayaan jabatan ini. Kejayaan tidak akan dapat dicapai tanpa komitmen semua warga PNM. Saya menyeru semua warga PNM agar memelihara integriti, serta tidak melibatkan diri dengan rasuah, salah laku jenayah, atau sebagainya yang boleh menjelaskan imej jabatan. Sebelum saya akhiri ucapan saya hari ini, saya ingin berkongsi sepatah kata-kata dari Pak Hamka, "Biarpun seribu kapal tenggelam di tengah lautan, tetapi cita-cita manusia tidak pernah padam". Begitulah ibaratnya kita di PNM ini, biarpun teknologi muncul dari pelbagai sumber, zaman beredar masa berputar, tetapi manusia tetap perlukan ilmu, tetapi memerlukan sumber untuk rujukan. Dan kita akan terus memainkan peranan kita sepanjang zaman. Saya akhiri ucapan saya dengan serangkap pantun

Pergi ke sungai mengail ikan  
Dapat pula ikan sembilang  
2016 kita tinggalkan  
2017 semoga cemerlang

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah.  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

"Permata yang bersinar disebalik lembah yang kelam". Ungkapan yang sesuai untuk Puan Chin Loy Jyoong, Pengarah Pembinaan Koleksi bersempena dengan Majlis Persaraan beliau yang berlangsung pada 23 Mac 2017.

Puan Chin Loy Jyoong dilahirkan pada tanggal 30 Mac 1957, Melaka, Bandaraya Bersejarah. Beliau mendapat pendidikan awal, Full Certificate Higher School Certificate (HSC) sebelum melanjutkan pelajaran ke peringkat Diploma di Institute of Chartered Secretaries and Administrators (ICSA) (Associate), United Kingdom (UK) seterusnya menyambung pengajian di dalam bidang Masters Arts in Library and Information Studies, University of Wisconsin-Madison, USA

## Perjalanan Kerjaya

TAHUN	BAHAGIAN / TEMPAT
1981	Bahagian Babilografi & Indeks, PNM
1985	Bahagian Katalog, PNM
1989	Bahagian Rujukan, PNM
1992	Bahagian Rujukan Melayu, PNM
2001	Bahagian Penyelidikan Perpustakaan, PNM
2003	Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat, PNM
2005	Pusat Sumber, Jabatan Kerja Raya Malaysia
2007	Bahagian Pakar Maklumat, PNM
2009 -2017	Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat, PNM
2017- Mac 2017	Menjawat Jawatan Pengarah Pembinaan Koleksi, PNM

## Sumbangan Dalam Bidang Kepustakawanan

Sepanjang perkhidmatan beliau di dalam perkhidmatan awam, khususnya di Perpustakaan Negara Malaysia, pelbagai jasa dan bakti telah dicurahkan. Antaranya seperti berikut :

- Pembangunan Portal Knowledge Management Perpustakaan Negara Malaysia 2013 sebagai Pengurus Projek
- Pembangunan Portal Perpustakaan Negara Malaysia yang mendapat Anugerah Cemerlang Penarafan Lima (5) Bintang Portal/Laman Web Rasmi KPKK/KPK bagi tahun 2010, 2011, 2012 dan 2013
- Menerbitkan Pelan Strategik Perpustakaan Negara Malaysia 2003-2008, 2009-2013, 2014-2018



- Menerbitkan Laporan Tahunan Perpustakaan Negara Malaysia 2002, 2003, 2009, 2010, 2011, 2012
  - Menggubal pindaan Peraturan-Peraturan Perpustakaan Negara (Pindaan) 1993 (P.U.(A) 294)
  - Urus setia lawatan Presiden International Federation of Library Associations (IFLA), Dr Ingrid Parent ke Malaysia, 2013
  - Menggubal Dasar Sistem Pembekalan Penerbitan 1999
  - Menggubal pindaan Peraturan-Peraturan Perpustakaan Negara (Bayaran dan Denda) 1993 (P.U.(A) 295)
  - Menggubal pindaan Peraturan-Peraturan Perpustakaan Negara (Bayaran dan Denda) 2014
  - Jawatankuasa Pembidaan Penganjuran Persidangan IFLA di Malaysia
- Walaupun telah bersara daripada perkhidmatan awam, namun peranan dan sumbangan kepakaran serta ilmu di dalam bidang kepustakawanan masih diteruskan kepada masyarakat melalui Persatuan Pustakawan Malaysia. Selamat bersara dan maju jaya diucapkan kepada Pn. Chin Loy Jyoong.

Oleh : Muhammad Azizi bin Muhamad Rani

Kem Membaca 1Malaysia merupakan program galakan membaca terbesar dibawah inisiatif Program Gerakan Tabiat Membaca yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak tahun 2009. Tahun 2017 merupakan tahun ke tujuh program KM1M dilaksanakan dan Perpustakaan Negara Malaysia menyertai KM1M bermula tahun 2013 dan tahun ini merupakan tahun ke lima penyertaan PNM di dalam KM1M.

Pada tahun 2017, Majlis Pelancaran KM1M 2017 telah diadakan pada 4 April 2017 di Auditorium Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), Bukit Kiara. Majlis disempurnakan oleh YBhg. Dato' Dr. Amin Senin, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia mewakili Datuk Dr Khair bin Mohamad Yusof, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.



# Kem Memb...



# Baca 1Malaysia 2017



Bersempena dengan program ini, PNM telah mengadakan Bengkel Literasi Media dan Maklumat pada 4 & 5 April 2017 bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Presint 9 (2), Putrajaya. Seramai 250 pelajar dan guru dari 11 buah sekolah menengah sekitar Putrajaya telah menyertai bengkel ini yang telah dipecahkan kepada 5 kelas yang telah dikendalikan tenaga pengajar dari PNM. Aktiviti LMM merangkumi ceramah, kuiz refleksi minda, latihan hands-on dan aktiviti berkumpulan. Taklimat yang disampaikan adalah berdasarkan kepada Modul tahap Pertengahan yang dikemaskini dan disesuaikan dengan keperluan kumpulan sasaran.

# MAJLIS PELANCARAN JOM BACA 10 MINIT



Oleh : Muhammad Azizi bin Muhamad Rani



Program jom baca 10 minit yang dianjurkan sempena Hari Buku Sedunia merupakan acara tahunan anjuran Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri, Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM), Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Se-Malaysia (MPAM) Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri. Program ini juga telah dijalankan serentak di 14 buah negeri dan sasaran utama adalah sebanyak 2.6 juta penyertaan. Penglibatan rakyat Malaysia dalam program ini telah menunjukkan peningkatan dari peringkat se awal boleh bertutur iaitu dua tahun. Sasaran pembaca meliputi pra sekolah, sekolah-sekolah, kakitangan awam dan semua agensi kerajaan, pusat pengajian tinggi awam dan swasta, badan-badan korporat dan GLC, kakitangan swasta atau syarikat, persatuan dan NGO, pengguna perpustakaan awam, akademik dan khusus, pusat membeli-belah serta individu atau orang perseorangan di seluruh negara. Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2017 peringkat Perpustakaan

Negara Malaysia telah diadakan pada 25 April 2017 bertempat di Auditorium Perpustakaan Negara Malaysia. Program ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ghaffar Ab. Tambi, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia yang dihadiri seramai 1,115 orang terdiri dari pelajar sekolah, penuntut Institut Pengajian Tinggi (IPT), pegawai kerajaan/swasta, kakitangan PNM dan pegawai dari KPK. Perpustakaan di Malaysia mampu menjalinkan kerjasama dalam menghasilkan inisiatif membaca yang bernilai tinggi bersama Kementerian Pelajaran dan Jabatan Pelajaran Negeri yang disokong oleh Kerajaan Negeri. Kini 'Membaca 10 Minit' diberi keutamaan yang sama seperti sambutan hari-hari penting di peringkat kebangsaan. Program membaca ini telah berjaya mencetuskan fenomena memupuk minat membaca di kalangan masyarakat dan ahli perpustakaan di seluruh Malaysia. Program ini sangat relevan dalam kehidupan masyarakat masa kini dan memartabatkan pustakawan sebagai warga pendidik di peringkat sekolah, kolej dan universiti.



ARAKU

lalumppur  
ter 2017GO GO  
WORLDMALAYSIA'S DIGITAL  
LIFESTYLE EXHIBITION 2017LEVEL 3 • JPF S • CNT • ACCESS  
LEVEL 2 • PWTC • MAY 2017organized by:  
MANORA  
Malaysian National Library Associationsupported by:  
MBIC  
Malaysian Books Industry Council

## PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR 2017

Pesta buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) adalah acara tahunan yang mencatat jumlah pengunjung sekurang-kurangnya 2 juta orang. Tema bagi PBAKL 2017 adalah Negaraku : Kepintaran Kreatif Melakar Tamadun. Seramai 229 pempamer dari dalam dan luar negara menyertai PBAKL kali ke 36 ini. PBAKL 2017 telah berlangsung dari 28 April sehingga 7 Mei 2017. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YAB Menteri Pelajaran Malaysia pada 28 April 2017 di Ruang Legar PWTC. Dalam

pada itu, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) juga tidak ketinggalan dan telah mendapatkan 5 tapak gerai bagi jualan dan aktiviti sepanjang PBAKL 2017 tersebut. Antara aktiviti yang telah berlangsung di tapak gerai PNM adalah perkhidmatan kepada pengguna seperti kaunter penerangan, kaunter jualan terbitan PNM, kaunter promosi perkhidmatan kepada penerbit seperti ISBN/ISSN/PDP dan Penguatkuasaan Akta Penyerahan Perpustakaan 1986, Pameran perkhidmatan dan produk PNM serta promosi perkhidmatan perpustakaan digital. Lokasi tapak gerai PNM kali ini adalah di Dewan Merdeka, PWTC.

Oleh : Mohd Firdaus bin Ngah Sa'aya

## PAMERAN PERPUSTAKAAN KELUARGA

Pameran Perpustakaan keluarga telah diadakan pada 25 April hingga 30 Jun 2017 bertempat di Ruang Pameran, Aras 1, Perpustakaan Negara Malaysia. Pameran tersebut mempunyai 4 segmen iaitu, Rumah Desa, Rumah Teres, Rumah Banglo dan Rumah Pangsa . Pameran turut memaparkan maklumat perpustakaan keluarga bagi memudahkan pengunjung mendapat penerangan untuk mengadakan sudut tersebut di rumah masing-masing. Kuiz pameran turut diadakan sepanjang pameran tersebut.



Oleh : Azfaradila binti Zainal Abidin





## Majlis Perjumpaan Ketua Perkhidmatan Bersama Pustakawan Gred S44 dan S41 Perpustakaan Negara Malaysia

Kuala Lumpur, 10 April 2017- Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah mengadakan Majlis Perjumpaan Ketua Perkhidmatan Bersama Pustakawan Gred S44 dan S41/S44 bertempat di Auditorium PNM, Jalan Tun Razak Kuala Lumpur. Majlis ini merupakan medium Ketua Pengarah PNM selaku Ketua Perkhidmatan Skim Pustakawan untuk menyampaikan amanat serta ekspektasi stake holder kepada pegawai-pegawai Pustakawan Gred S44 dan S41/S44.

Di dalam majlis ini juga seramai 128 orang pegawai telah menerima surat penyiaran kenaikan pangkat masing-masing dari Pustakawan Gred S41 ke Gred S44 atau S41/S44. Dalam ucapan beliau, YBhg. Dato' Nafisah binti Ahmad Ketua Pengarah PNM merakamkan ucapan tahniah kepada semua pegawai yang telah dinaikkan pangkat dan berharap pegawai-pegawai akan memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat



# Bengkel Pengumpulan Statistik Perpustakaan Universiti

Bengkel Pengumpulan Statistik Perpustakaan Universiti telah diadakan pada 23 Februari 2017 yang lalu di bilik latihan aras 5, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Ia adalah susulan daripada keputusan Mesyuarat Persidangan Perpustakaan Universiti dan Perpustakaan Negara Malaysia (PERPUN) Bil/2/2016 yang telah berlangsung di Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak pada 25 Julai 2016 yang lalu. Antara objektif bengkel ini adalah memantapkan pengumpulan data statistik melalui penerangan penggunaan parameter dalam borang soal selidik statistik, mengkaji semula keperluan parameter-parameter statistik sedia ada serta mewujudkan ruang perbincangan untuk penambahbaikan mengikut perkembangan semasa perpustakaan dan sebagai satu wadah berkongsi idea di kalangan Pengurusan PNM dan Perpustakaan Universiti (PERPUN) dalam menghasilkan data yang berautoriti dan sahih sebagai sumber rujukan utama. Seramai 48 peserta yang terdiri daripada Pustakawan dari 20 Perpustakaan Universiti Awam dan 6 Perpustakaan Universiti Swasta yang bernaung di bawah Persidangan Perpustakaan Universiti dan Perpustakaan Negara Malaysia (PERPUN) telah menyertai bengkel ini.



Sekitar gambar bengkel yang dihadiri oleh peserta



Encik Zaki bin Yusof dari bahagian Penyelidikan Perpustakaan PNM memberi taklimat

Oleh : Mohamad Zaki bin Yusof

## Mesyuarat Agung Puspanita Cawangan PNM



Pustaka  
BULETIN PNM

Oleh : Suhana@Chuhana binti Ahmad



Mesyuarat Agung Puspanita Cawangan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah diadakan pada 18 Januari 2017. Mesyuarat ini antara lain adalah bagi mendapatkan mandat kepada kepimpinan baharu sesi 2017/2018. Disamping itu ia juga bagi membentangkan laporan aktiviti yang telah berlangsung sepanjang sesi 2015/2016. Pelbagai aktiviti telah disertai oleh Puspanita Cawangan PNM antaranya kelas-kelas jahitan anjuran Puspanita PNM, rawatan resdung dan urutan badan serta banyak lagi. Selain itu, Puspanita PNM juga menyertai aktiviti sukan antarabangsa iaitu Malaysia-Thailand Goodwill Games 2015 pada 13 - 15 Ogos 2015. Semoga Puspanita PNM akan terus aktif memartabatkan kaum wanita khususnya.



## PEMUKIMAN PELAN STRATEGIK PNM 2014-2018

Oleh : Siti Suzani binti Mohamed Taib

Pemukiman Pelan Strategik PNM 2014-2018 telah diadakan pada 17 – 19 Februari 2017 bertempat di Concorde Hotel, Shah Alam, Selangor. Pemukiman ini bertujuan untuk membincangkan:

- (i) Pencapaian Pelan Strategik PNM 2016, dan
- (ii) Perancangan Pelan Strategik PNM

Pelan Strategik Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) 2014 – 2018 disediakan sebagai panduan dan halatuju PNM dalam melaksanakan program dan aktiviti dengan lebih sistematik, terancang dan berkesan. Kandungan Pelan Strategi kini merangkumi arah tuju Jabatan dan pengurusan strategik jangka panjang, cabaran yang akan dihadapi oleh Jabatan, aktiviti utama Jabatan pada masa kini dan perkhidmatan serta pembangunan ICT. Pemukiman selama tiga (3) hari ini melibat semua barisan pengurusan PNM.

Pelan Strategik PNM 2014-2018 yang menggariskan lima (5) teras perkhidmatan utama, 16 objektif dan pelan tindakan telah disemak semula supaya selari dengan Pelan Transformasi KPK dan PNM.

Lima (5) Teras Perkhidmatan utama PNM adalah Pengukuhan Pembangunan Perpustakaan dan Profesional Kepustakawanan bagi Penyediaan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Perpustakaan Berkualiti, Memantapkan Pemeliharaan Khazanah Intelek Negara bagi Penjanaan Ilmu, Merakyatkan Penyampaian Perkhidmatan, Meningkatkan Kebolehcapaian Maklumat melalui Penyampaian Perkhidmatan Perpustakaan Digital dan Memupuk Budaya Membaca bagi Membentuk Masyarakat Berilmu.

Konvensyen ini menghimpunkan para pustakawan, pembekal, pemikir dan ahli akademik yang mempunyai kepentingan dalam bidang perkhidmatan kepustakawanan untuk membincangkan hala tuju pengurusan perpustakaan di masa hadapan. Ia dianjurkan oleh Perbadanan Kota Buku bersama MABOPA, Majlis Buku Kebangsaan Malaysia dan PNM.

Konvensyen ini bertujuan untuk menggalakkan pustakawan berfikir secara luar kotak bagi meningkatkan usaha mengoptimumkan fungsi perpustakaan dengan idea-idea baharu dan terkini. FLCA berperanan menyediakan platform bagi pustakawan untuk mewujudkan rangkaian kerjasama dengan pemain industri dalam bidang perpustakaan dan pengurusan maklumat.

Para pembentang telah berkongsi pengalaman organisasi masing-masing di dalam mengurus maklumat. Ia merangkumi usaha memulihara maklumat melalui kerja-kerja pendigitalan, penerbitan, perkhidmatan maklumat digital dan maklumat sebagai komoditi. Aplikasi penggunaan dan pembangunan teknologi terkini turut dikongsi para pembentang.

Peserta konvensyen didedahkan dengan kesungguhan para pembentang yang secara konsisten memperjuangkan kepentingan perpustakaan mereka kepada pemegang taruh. Usaha mereka meyakinkan pengurusan tertinggi akhirnya membuatkan hasil dan kesan dari pelaksanaan cadangan mereka member impak kepada organisasi. Pustakawan tempatan sewajarnya mencontohi semangat juang untuk memajukan perpustakaan masing-masing dengan syarat perancangan teliti wajar dibuat bagi memastikan ianya member impak positif kepada pemegang taruh.

"The Librarian Forum" ini merupakan salah satu slot yang selain dari pembentangan kertas-kertas kerja yang dibentangkan oleh para pembentang dari dalam dan luar negara untuk konvensyen kali ini. Panel-panel yang terlibat merupakan mereka dari kalangan pustakawan dan pemain dalam industri buku. Objektif forum ini adalah bagi membincangkan peranan perpustakaan dalam beberapa isu seperti Cabaran pembangunan koleksi fizikal dan digital, Halatuju perpustakaan akan datang dan Pewujudan baru rangka kerjasama. Peserta didedahkan dengan isu-isu berkaitan pembangunan koleksi serta pengalaman ahli panel yang terlibat. Antara tips yang dikongsi ialah perlunya kajian dibuat terhadap perolehan bahan fizikal dan digital yang mengambil kira permintaan, kualiti, keperluan pengguna dan kemampuan kewangan.

Kesimpulannya, Change Management dan perancangan bersesuaian perlu dibuat untuk disesuaikan dengan maklumat digital di perpustakaan; ia juga perlu ada kerjasama atau pewujudan rangkaian perpustakaan yang lebih luas ruang lingkup dan kepelbagaiannya kerana kerjasama antara perpustakaan adalah kunci utama; Perpustakaan perlu mengambil kira segala aspek berkaitan Big Data kerana perpustakaan tidak boleh lari darinya; juga Perpustakaan masa hadapan dijangka melibatkan rantaian komponen-komponen seperti Komuniti dan Perhubungan, Penemuan dan Kepenggunaan, Pemacuan dan Kelestarian dan juga Penyelidikan dan Pembangunan. Di samping itu, penggunaan platform akses terbuka (open access) akan menjadi lebih meluas dan akhir sekali Keunikan dalam inovasi teknologi perpustakaan amat diperlukan.



## PROGRAM BICARA HARVARD “ROLE OF MEDIA IN SOCIETY”

Bicara Harvard dengan tajuk "Role Of Media In Society" telah dilaksanakan pada 13 April 2016 (Khamis) di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Harvard Business School Alumni Club of Malaysia(HBSACM). Objektif program ini adalah Memberi kefahaman kepada peserta mengenai kepentingan pendidikan dan ilmu dalam pembentukan bangsa dan negara. Ia juga bagi Berkongsi pengalaman dan sumbangan dalam bidang kepimpinan dan pendidikan tinggi Malaysia. Disamping itu, Membudayakan membaca di kalangan rakyat Malaysia dengan memberi pendedahan kepada Koleksi Buku-Buku Terbitan Harvard yang tersedia di PNM. Penceramah yang dijemput adalah Encik Malek Ali, CEO BFM Media Sdn. Bhd dan selaku ahli Kelab Alumni Harvard Malaysia. Program ini telah dihadiri oleh 204 orang yang terdiri daripada pelbagai agensi dari sektor awam dan swasta. Sesi Bicara Harvard ini telah menarik minat para peserta yang hadir di mana

mereka telah mengemukakan pelbagai soalan dan pandangan mengenai tajuk yang dibincangkan secara global dan pendapat-pendapat yang kritikal dan berasas

Secara keseluruhannya, program ini dapat memberi impak positif kepada semua pengunjung yang hadir dalam usaha ilmu pengetahuan dan perbincangan ilmiah yang positif. Ia merupakan satu strategi mempromosi peranan Perpustakaan Negara Malaysia dalam menyebarluas maklumat khususnya berkaitan Koleksi Harvard kepada masyarakat dan pengguna perpustakaan. Inisiatif ini juga menunjukkan sokongan dan kerjasama antara perpustakaan Negara Malaysia dengan Harvard Business School Alumni Club of Malaysia untuk menyediakan satu platform di Perpustakaan Negara Malaysia untuk semua hadirin dapat terus berinteraksi dengan tokoh penting yang terlibat dalam rangka kerja seperti politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan sebagainya.



## PAMERAN CARING BRIDGE PROGRAM NEGARAKU : KOMUNITI 1 MALAYSIA

Pada 23-26 Februari 2017 telah berlangsungnya Program Negaraku : Komuniti 1Malaysia anjuran Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah diadakan di Taman Tasik Sultan Abu Bakar, Pekan Pahang. Program berkenaan telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak yang juga Ahli Parlimen Pekan pada 25 Februari.

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang (PPAP) dan Perpustakaan Desa Kampung Pulau Rusa dan Perpustakaan Desa Runchang, Pekan tidak ketinggalan menjalankan pelbagai aktiviti yang membabitkan penglibatan orang ramai.


Program yang dinamakan Pameran Caring Bridge Program Negaraku : Komuniti 1Malaysia yang berlangsung selama tiga hari ini iaitu bermula pada 24-26 Februari 2017 mempunyai pengisian aktiviti yang sangat menarik bertujuan untuk memberi kesedaran dan pendedahan mengenai teknologi

komunikasi yang dapat membantu masyarakat mendepani cabaran masa depan dalam era digital di samping merapatkan jurang penyaluran maklumat di antara kerajaan dengan komuniti setempat. Objektif adalah meningkat dan menggalakkan penggunaan perkhidmatan perpustakaan digital. Ia juga mempromosi perkhidmatan u-Pustaka dan kandungan digital yang terdapat dalam pangkalan data yang dilanggar oleh PNM. Disamping itu, meningkatkan kesedaran terhadap pentingnya amalan membaca dan literasi maklumat masyarakat Malaysia. Pengisian aktiviti di sini pula melibatkan PNM, PPAP dan Perpustakaan Desa Kampung Pulau Rusa dan Perpustakaan Desa Runchang, Pekan bekerjasama mempromosi perkhidmatan u-Pustaka dan lain-lain perkhidmatan perpustakaan digital termasuk pendaftaran keahlian dan mengadakan aktiviti galakkan membaca. Sepanjang program yang berlangsung selama tiga hari itu, seramai 200 orang ahli telah mendaftar secara atas talian melalui portal u-Pustaka.

Oleh : Nor Amin bin Maidin

Program Singgah Santai@PNM #Relakslah Dulu Bil. 1/2017 telah berlangsung pada 25 Mac 2017 (Sabtu) di Perkarangan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan bertemakan "Lestari Hijau, Komuniti Sejahtera". Tema tersebut dipilih sebagai salah satu usaha PNM bagi mempromosi dan mendidik masyarakat dalam memelihara dan menghargai alam sekitar serta membudayakan amalan hidup hijau selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia ke arah kualiti hidup yang lebih baik demi kesejahteraan rakyat. Program Singgah Santai@PNM tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Rashidi bin Hasbullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

Kemuncak perasmian program tersebut adalah upacara menanam anak pokok herba Mahkota Dewa di Taman Mini PNM oleh YBhg. Datuk Rashidi bin Hasbullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan YBhg. Dato' Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah PNM.





YBhg. Datuk Rashidi bin Hasbullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan turut melancarkan 1 Kelompok 1 Komuniti di mana lima (5) orang wakil institusi/komuniti yang merupakan ahli baru pinjaman berkelompok telah menerima sumbangan buku.

Agensi-agensi kerajaan, swasta dan NGO turut mengadakan pameran produk, perkhidmatan teknologi hijau, kitar semula (3R), tips-tips jimat tenaga, air dan amalan hidup hijau seperti Taman Pertanian Universiti Pertanian Malaysia, Jabatan Alam Sekitar Malaysia, Malaysian Nature Society, Jabatan Muzium Malaysia, Alam Flora, Utusan Karya, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Kempen Derma Darah oleh Pusat Darah Negara. PNM turut mempromosi perkhidmatannya kepada pengunjung seperti Perkhidmatan U-Pustaka, Keahlian PNM, Dr. Buku: Demonstrasi Pembaikan Ringan, kesedaran tentang Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331), ISBN/ISSN/PDP, Program Give and Take Books, Pameran Mini Manusrip Melayu, Aktiviti Pintar Jawi, Bengkel Literasi Maklumat dan lain-lain sempena program ini. Pelbagai aktiviti berkonsepkan pembacaan, kekeluargaan, hiburan dan keusahawanan telah diadakan seperti Bicara Buku Ashraf Shuib penulis buku Jimat Dari Dapur, Demonstrasi Melukis Karekter Komik bersama Adi PEKOMIK, Storytelling Showtime with Uncle Ng and Mama Sham, Peragaan Fesyen Pertandingan Projek Runway 3R, Pertandingan Kraftangan Kreatif Kitar Semula, Demonstrasi Masakan Literasi Maklumat Kesihatan Warisan Melayu Bersama Dato' Chef Ismail, Car Book Sale, mencanting batik, demonstrasi kraf seni tembikar, gerai niaga, jualan buku dan lain-lain. Program ini turut diserikan lagi dengan persembahan muzik Library Buskers bersama The Matrix dan tayangan filem dokumentari berkaitan alam semulajadi.

## Mesyuarat Pembukaan dan Penutup Sempena Audit Pemantauan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) oleh SIRIM QAS International Sdn.Bhd.



Warga Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sekali lagi telah menunjukkan komitmen yang berwibawa dan berterusan dalam menyampaikan perkhidmatan perpustakaan. Melalui MS ISO 9001:2008, penyampaian perkhidmatan dapat diukur bagi memastikan standard perkhidmatan berada di tahap yang lebih baik.

Pada 4 April 2017, PNM telah mengadakan Mesyuarat Pembukaan bagi Audit Pemantauan MS ISO 9001:2008 kepada semua warga PNM. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBrs. Puan Maizan Ismail, Timbalan Ketua Pengarah selaku Wakil Pengurusan. Mesyuarat ini telah dihadiri seramai 260 orang warga PNM yang terdiri daripada Wakil Pengurusan, Timbalan Wakil Pengurusan, Ketua Sistem Audit, Timbalan Ketua Sistem Audit, Pengurus Dokumen, Barisan Pengurusan PNM, pegawai-pegawai kanan, dan kakitangan yang lain. Selain itu, barisan juruaudit daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd., Shah Alam juga telah hadir seramai tiga (3) orang iaitu Puan Asiyah Haron, Encik

Mahmud Rizal Othman dan Puan Nor Hasifah Abdul. Puan Asiyah Haron selaku Ketua Pasukan Audit telah menyampaikan taklimat bagi perjalanan audit yang beliau dan pasukannya akan laksanakan selama dua (2) hari di PNM.

Audit pemantauan ini telah dijalankan mengikut skop pensijilan PNM yang telah dipersijilkan dari tempoh 09 April 2017 sehingga 14 September 2018. Sebanyak 33 prosedur sedia ada telah digunakan oleh Jabatan dalam pelaksanaan MS ISO 9001:2008 ini yang merangkumi enam (6) prosedur wajib, tiga belas (13) prosedur sokongan dan empat belas (14) prosedur operasi.

Mesyuarat Penutup juga telah diadakan pada 05 April 2017 yang telah dihadiri oleh semua warga PNM khususnya. Ketua Pasukan Audit telah membentangkan hasil penemuan audit sepanjang dua (2) hari di PNM.

Jabatan mengucapkan syabas kepada semua warga PNM yang telah memberikan komitmen dan menjayakan audit pemantauan ini pada tahun ini.

## Lawatan kerja PNM ke INTAN, Bukit Kiara

Tanggal 13 Mac 2017 (Isnin) yang lalu, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) di bawah Unit Penerbitan, Bahagian Komunikasi Korporat telah menganjurkan lawatan sambil belajar ke INTAN Bukit Kiara. Antara tujuan lawatan tersebut adalah untuk menimba ilmu dan berkongsi pengetahuan dan kepakaran khususnya dalam bidang penerbitan buku khususnya dalam bidang penerbitan buku di INTAN. INTAN dikenali dengan penghasilan buku-buku pentadbiran awam yang menjadi rujukan penjawat awam khususnya skim Pegawai Tadbir dan Diplomatik. Delegasi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) adalah seramai 9 orang diketuai oleh Encik Ab. Hakim Ab. Latif dari unit penerbitan, Bahagian Komunikasi Korporat PNM. Bagi Pihak INTAN pula diketuai oleh dan dimudahcara oleh Yang Bahagia Datin Jamaliah binti Mohd Nayan, Ketua Pusat Sumber, Puan Kathleen Mujan Nandong dari Kluster Kepakaran, Encik Lim Hoong Jun dari Kluster Professional, Puan Yuhanis binti Mohd Amin dan Kluster IMATEC, Encik Sofian @ Mohd.Sofi b. Makmun, Encik Abdul Razak bin Abdul Halim dan Encik Hadimusleth bin Hadirin dari Kluster Penyelidikan, Puan Nur Hidayatul Pathi binti Abdullah dari Kluster Inovasi, Puan Norfazila binti Jemahad dari Kluster Dasar dan akhir sekali Puan Nur Aimie binti Mohd Azlan dari Kluster Kepimpinan. Sesi lawatan delegasi PNM bermula dengan disaji tayangan video korporat INTAN disusuli sesi pembentangan/perbincangan dan soal jawab. Banyak perkara telah dikongsikan bersama dan dimanfaatkan sepanjang lawatan kerja tersebut dan pihak INTAN juga mengalu-alukan sebarang kolaborasi bersama strategik yang dapat memanfaatkan kedua-dua belah pihak amnya. Hasil daripada lawatan kerja tersebut adalah antaranya adalah INTAN mempunyai kekuatan seramai 7 kakitangan di bawah Sub Kluster Penerbitan khas bagi kerja-kerja pra penerbitan. Di samping itu, INTAN juga mempunyai unit cetak khas bagi terbitan INTAN. Oleh kerana penerbitan INTAN adalah berkaitan pengurusan sektor awam khususnya jualan terbitan mereka boleh berurusan secara dalam talian iaitu pesanan di laman web rasmi jabatan. Secara keseluruhannya banyak perkara yang bermanfaat dapat dikongsi bersama.



# Senarai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Perpustakaan Negara Malaysia Tahun 2016

Bil	Nama Pegawai	Gred	Bahagian
1	Katrun Nada Binti Haji Hashim	S48	Bahagian Gerakan Literasi Maklumat
2	Muhammad Redzuan Bin Ramli	S41	Bahagian Sumber Elektronik
3	Hazlifah Binti Zaidi	S41	Pusat Penyerahan Terbitan Negara
4	Azfaradila Binti Zainal Abidin	S41	Bahagian Komunikasi Korporat
5	Anis Binti Omar	S41	Pusat Bibiliografi Negara
6	Siti Suhana Binti Adnan	S41	Bahagian Pembangunan Perpustakaan Desa
7	Nurul Hazwani Binti Rosli	S41	Bahagian Pembinaan Koleksi
8	Za'imatal Ahlam Binti Talhah	S41	Pusat Rujukan Malaysiana Dan Luar Negara
9	Aznita Binti Abu Bakar	E32	Bahagian Penyelidikan
10	Quah Chun Hong	S32	Pusat Bibiliografi Negara
11	Norazlan Bin Norden	F29	Bahagian Teknologi Maklumat
12	Abdul Rahman Bin Abdul Rahim	S29	Bahagian Sumber Elektronik
13	Norzehan Binti Razali	S29	Bahagian Pengurusan Projek Digital
14	Wan Noor Aishah Binti Wan	S29	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis
15	Ramaperbah A/P Chandran	S29	Bahagian Khidmat Nasihat Dan Perundingan
16	Rusiah Binti Awang	S26	Bahagian Pembinaan Koleksi
17	Maznah Binti Marjunid @ Ismail	S22	Bahagian Pembangunan Modal Insan
18	Norhana Binti Osman	S22	Bahagian Pembangunan Perpustakaan Desa
19	Noraziah Binti Abu Kasim	S22	Bahagian Pemuliharaan
20	Mohd Jefry Bin Ishak	S22	Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan
21	Mugunthan A/L Krishnan	N19	Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia
22	Siti Hajar Binti Rahim	N19	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis
23	Norazila Binti Abd Aziz	N19	Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia
24	Mohd Firdaus Bin Mat Desa	S19	Bahagian Pemuliharaan
25	Azwani Binti Mohamed	S19	Bahagian Kandungan Digital
26	Norida Binti Abas @ Abdullah	S19	Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu
27	Norhasliza Binti Md Salleh	S19	Bahagian Perancangan Strategik Dan Antarabangsa
28	Sarrah Noorema Binti Sukri	S19	Bahagian Pinjaman
29	Noria Binti Anyut	S19	Pusat Rujukan Malaysiana Dan Luar Negara
30	Ety Adlene Binti Ab Kadir	S19	Pusat Penyerahan Terbitan Negara
31	Elsie Seep	S19	Pusat Bibiliografi Negara
32	Wan Sulina Binti Wan Deraman	S19	Bahagian Pembinaan Koleksi
33	Mohamed Paudzi Bin Ismail	N14	Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia
34	Nor'aini Binti Nawil	N14	Pusat Penyerahan Terbitan Negara
35	Roslan Bin Dohat	H11	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis
36	Syed Mohd Nasir Bin Syed Zulkifli	N11	Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia
37	Nurul Hasni Binti Osman	N11	Bahagian Pinjaman
38	Mohd Adzrul Bin Zulkifli	H11	Pejabat Ketua Pengarah
39	Shahabudin Bin Zahari (Kontrak)	N11	Bahagian Pinjaman

## Senarai Penerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang (SPC) Perpustakaan Negara Malaysia Tahun 2016

Bil	Nama Pegawai	Gred	Bahagian
1	Rosham Bin Abdul Shukor	S54	Pengarah Prasarana Ilmu Dan Maklumat
2	Siti Aishah Binti Sh.Ab.Kadir	S54	Pengarah Perkhidmatan Korporat
3	Harleeza Binti Abu Husin	S52	Pusat Rujukan Malaysiana Dan Luar Negara
4	Nor O'baidah Binti Abidin	S52	Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan
5	Mohamad Rizal Bin Abdullah	M48	Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia
6	Aidatul Hasnida Binti Abdul Rani	S48	Bahagian Sumber Elektronik
7	Ali Bin Rashid	S48	Bahagian Pinjaman
8	Anisatul-Wahidah Binti Abdul Wahid	S48	Pusat Penyerahan Terbitan Negara
9	Mohd Azmi Bin Aziz	S48	Bahagian Pembangunan Dan Perpustakaan Desa
10	Noorazreen Idayu Binti Kamarozzaman	M44	Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia
11	Ima Eryanty Binti Abdul Manaf	S44	Bahagian Perancangan Strategik Dan Antarabangsa

Bil	Nama Pegawai	Gred	Bahagian
12	Noraini Binti Ya'cub	S44	Bahagian Pembinaan Koleksi
13	Siti Manoriah Binti Saleh	S44	Pusat Penyerahan Terbitan Negara
14	Siti Suzani Binti Mohamed Taib	S44	Bahagian Perancangan Strategik Dan Antarabangsa
15	Sofia Binti Osman	S44	Pusat Rujukan Malaysiana Dan Luar Negara
16	Suriati Binti Ein	S44	Pusat Kebangsaan Manusrip Melayu
17	Machita Binti Othman	S41	Perpustakaan Negara Negeri Perlis
18	Marsila Binti Ahmad	S41	Bahagian Pembinaan Koleksi
19	Noor Hazwani Binti Warrmal	S41	Bahagian Perancangan Strategik Dan Antarabangsa
20	Noridah Binti Mohd Noor	N36	Pejabat Ketua Pengarah
21	Zakaria Bin Deros	N32	Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia
22	Mohd Tarmizi Bin Wahab	S32	Perpustakaan Negara Negeri Perlis
23	Siti Kalsum Binti Ibrahim	S32	Perpustakaan Negara Negeri Perlis
24	Siti Shafaroh Binti Shamsudin	S32	Bahagian Sumber Elektronik
25	Aizat Bin Ismail	N29	Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia
26	Hazanita Binti Muin	N29	Perkhidmatan Rujukan Dan Maklumat
27	Mohd Irwan Bin Ismail	N29	Perpustakaan Negara Negeri Perlis
28	Haizatul Afni Binti Bakhtiar	S29	Perpustakaan Negara Negeri Perlis
29	Maulidiah Binti Abd Rahman	S29	Bahagian Pembinaan Koleksi
30	Mohd Azman Bin Ali	S29	Perpustakaan Negara Negeri Perlis
31	Zairina Binti Hashim	S29	Perpustakaan Negara Negeri Perlis
32	Noorfadzilah Binti Kadar Bawa	W29	Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia
33	Ibrahim Bin Sabtu	S26	Bahagian Gerakan Literasi Maklumat
34	Thalathiah Binti Awang	S26	Bahagian Komunikasi Korporat
35	Rodziah Binti Che Omar	B22	Bahagian Komunikasi Korporat
36	Khadlibah Binti Misdi	N22	Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia
37	Dahlan Bin Ismail	S22	Perpustakaan Negara Negeri Perlis
38	Hazurita Binti Totor	S22	Bahagian Pinjaman
39	Mohammad Hafazah Bin Mohd Azraai	S22	Bahagian Perancangan Strategik Dan Antarabangsa
40	Norazah Binti Mohd Room	S22	Pusat Kebangsaan Manusrip Melayu
41	Norllar Binti Mohamed Salleh	S22	Pusat Bibliografi Negara
42	Patimah Binti Abd Rahman	S22	Bahagian Pinjaman
43	Wan Salbiah Binti Mohd Khalil	S22	Pusat Penyerahan Terbitan Negara
44	Mazni Binti Mansor	S22	Bahagian Komunikasi Korporat
45	Suhaili Binti Dollah @ Sulaiman	S22	Bahagian Komunikasi Korporat
46	Saliful Effendi Bin Suamal	S22	Pusat Penyerahan Terbitan Negara
47	Yasmin Binti Zulkapeli	S22	Pusat Penyerahan Terbitan Negara
48	Nor Rasidah Binti Baharudin	S22	Pusat Penyerahan Terbitan Negara
49	Suzila Binti Ramli	S22	Bahagian Pembinaan Koleksi
50	Suriati Binti Ahmad Kasin	S22	Pusat Rujukan Malaysiana Dan Luar Negara
51	Aida Binti Aripin	S22	Pusat Rujukan Malaysiana Dan Luar Negara
52	Suzeanita Zilla Binti Darolakhbar	S22	Bahagian Pinjaman
53	Ramzahirah Binti Ramli	S22	Perpustakaan Negara Negeri Perlis
54	Muhamad Khairi Bin Ja'afar	B19	Bahagian Sumber Elektronik
55	Faridah Binti Mohd Salleh	N19	Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia
56	Hayati Binti Othman	N19	Perpustakaan Negara Negeri Perlis
57	Salsabil Binti Azmi	N19	Perpustakaan Negara Negeri Perlis
58	Farrah Diba Binti Mohd Ishak	S19	Bahagian Perancangan Strategik Dan Antarabangsa
59	Beatrice Carolina Lim	S19	Bahagian Perancangan Strategik Dan Antarabangsa
60	Khuraisah Binti Ibrahim	S19	Pusat Penyerahan Terbitan Negara
61	Nuraini Binti Mohd Kamil	S19	Pusat Penyerahan Terbitan Negara
62	Azril Hisham Bin Abu Bakar	S19	Pusat Bibliografi Negara
63	Ahmad Zaki Bin Zakaria	S19	Bahagian Pinjaman
64	Nor Azira Binti Ismail	S19	Bahagian Pinjaman
65	Norshaira Binti Mat Nawil	W19	Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia
66	Faridah Binti Hashim	N14	Pusat Rujukan Malaysiana Dan Luar Negara
67	Nor Haniz @ Nor Haniza Binti Othman	N14	Bahagian Pinjaman
68	Ahmad Firdaus Bin Mat Rais	N11	Bahagian Pembinaan Koleksi
69	Marshila Binti Mohamed Yusof	N11	Pusat Penyerahan Terbitan Negara
70	Muhamad Suhalzan Bin Abdullah	N11	Bahagian Pembangunan Modal Insan
71	Muhammad Ashaari Bin Md Noor	N11	Pusat Penyerahan Terbitan Negara
72	Rohisham Bin Mansor	N11	Pusat Penyerahan Terbitan Negara
73	Wan Norasmizan Bin Wan Jaafar	H11	Perpustakaan Negara Negeri Perlis (Kontrak)
74	Zairul Azwan Bin Omar	N11	Perpustakaan Negara Negeri Perlis



PERPUSTAKAAN  
NEGARA MALAYSIA



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
232, JALAN TUN RAZAK, 50572 KUALA LUMPUR  
TEL. 60326871700 FAKS. 60326942490

[WWW.PNM.GOV.MY](http://WWW.PNM.GOV.MY)